

**TEKS UCAPAN**

**Y Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Husin**

**Naib Canselor  
Universiti Malaysia Perlis**

**SEMPENA**

**MESYUARAT PEMBUKAAN  
AUDIT PERSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2008**

**OLEH**

**SIRIM QAS Int. Sdn. Bhd.**

**PADA**

**19 JUN 2013  
JAM 10.00 PAGI**

**TEMPAT**

**Dewan Keikhlasan, Tingkat 10, Bgn. KWSP**

Terima Kasih saya ucapan kepada Pengurus Majlis

**Yang Berusaha Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Mohd. Fo'ad Sakdan**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

**Yang Berusaha**  
**En. Zuber Hj Mohamad** - Pemangku Pendaftar UniMAP,  
**Pn Saodah Hassan** - Bendahari UniMAP,  
**Pr. Mazmin Mat Akhir** – Pemangku Ketua Pustakawan

**Yang Berusaha Datin Prof. Dr Zuraidah Mohd Zain**  
Penolong Naib Canselor Komunikasi Korporat

**Yang Berusaha PM Abdul Aziz Mahmuddin**  
Penolong Naib Canselor (PUSPEK) merangkap Wakil Pengurusan SPK

**Dekan-dekan**

**Ketua-ketua Jabatan**

**Penyelaras Jaringan Industri dan Pengurusan Kualiti,**

**Pengerusi SPSK,  
Pemilik Proses,  
Ketua Juruaudit Bertauliah dr IRCA UK,  
Juruaudit Dalaman SPK**

Seterusnya yang diraikan rakan2 **Pasukan Juruaudit dari Sirim QAS**

**YM Tengku Aidil Alhaj Tengku Aminuddin  
Madam Teh Seok Im  
Puan Nur Aisyah bt Mohd Zamri**

dan Para Hadirin yang saya hormati sekalian.

مَلَّا مُكَبِّلٍ بِنَارٍ وَمَحْرُومٌ

Salam Sejahtera, Selamat Pagi dan Salam UniMAP Dihati,

1. Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan izin Nya kita dapat berkumpul pada pagi ini, dalam majlis yang sangat bermakna kepada warga UniMAP, iaitu Majlis Mesyuarat Pembukaan Audit Persijilan Semula MS ISO 9001:2008 bagi **skop PEMBERIAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN TINGGI PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA (KEPUJIAN)**.
2. Hari ini, marilah kita bersama-sama berdoa agar Allah (s.w.t) menganugerahi dan memberkati kita dengan kemantapan iman, keampuhan jiwa, kecerdikan akal dan kekuatan fizikal untuk terus menjadikan kita sentiasa bersedia mengekalkan budaya KUALITI yang sudah wujud seterusnya memperkasakannya sehingga ketahap yang lebih baik, selaras dengan kata-kata hikmah yang biasa kita dengar “Hari ini lebih baik dari semalam”.
3. Sebagaimana semua sedia maklum, ISO 9001:2008 adalah satu **standard** yang menggariskan asas-asas utama bagi mewujudkan dan melaksanakan **Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)** yang **berkesan** dan **menepati tujuan** penubuhan serta **cekap** dalam menghasilkan output atau perkhidmatan yang **memenuhi kehendak dan pengharapan pelanggan** serta pihak-pihak yang berkepentingan dan selaras dengan ketetapan **peraturan dan perundangan** yang berkaitan.
4. Pensijilan MS ISO ini juga merupakan sebahagian daripada tuntutan transformasi perkhidmatan yang dihasratkan kerajaan untuk mewujudkan sistem

penyampaian cemerlang, cekap dan berkesan serta turut menyumbang agenda transformasi Kerajaan dan selari dengan Visi dan Misi Universiti untuk menjadi antara 500 universiti yang terbaik di dunia menjelang 2020.

5. Ternyata, usaha kita sejak 2009 dengan mendapatkan Persijilan melalui beberapa siri Kursus serta Bengkel Pengenalan dan Kesedaran kepada Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) mengikut Keperluan MS ISO 9001:2008 telah membawa hasil apabila UniMAP secara rasminya dianugerahi Sijil MS ISO 9001:2008 pada 16 Julai 2010. Kini UniMAP akan diaudit semula bagi menentukan sama ada pelaksanaan SPK berkesan atau sebaliknya bagi menentukan persijilan disambung semula atau tidak.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Kita sebagai warga UniMAP tentunya mengimpikan persijilan ini disambung semula, tetapi ada pepatah berkata:

***“There can not be improvement without new ideas, and there can not be new ideas without the participation of all”***. Oleh yang demikian, saya menyeru agar semua pihak dapat memberikan komitmen dan penglibatan secara holistik terhadap beberapa perkara:

*Pertama, menetapkan dan seterusnya melaksanakan dan mencapai Objektif Kualiti baik di peringkat Universiti mahupun di peringkat PTj.*

*Menyokong Dasar Kualiti UniMAP yang telah dibangunkan.*

Mengadakan semakan pengurusan di setiap proses (PTj) untuk menyemak dan mengawal selia prestasi SPK di setiap PTj.

Mengenal pasti dan menyediakan sumber-sumber yang mencukupi untuk melaksanakan dan memelihara SPK serta meningkatkan keberkesanannya secara berterusan dan meningkatkan kepuasan pelanggan melalui pengurusan cekap sumber manusia dan infrastruktur & kemudahan; dan,

Mengenalpasti penambahbaikan berterusan SPK di PTj masing-masing melalui MS ISO, adalah menjadi keperluan setiap Pemilik Proses dan PTj.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Semua PTj perlu sentiasa peka terhadap ketidakpatuhan dengan mengenal pasti punca ketidakpatuhan, memastikan langkah-langkah penambahbaikan dibuat ke atas punca tersebut agar ketidakpatuhan tidak berulang dan mengambil langkah pencegahan daripada berlakunya ketidakpatuhan.
8. Masa semakin pantas berlalu dan perubahan berlaku sekilip mata. Oleh itu, penambahbaikan berterusan adalah penting supaya kita tidak ketinggalan dan hal ini tentunya selari dengan moto universiti, iaitu “kecemerlangan”.

Hadirin sekalian,

9. Baru-baru ini, **QS University Rangkings** telah mengishtiharkan **TOP 300 Asia University Rangking** bagi tahun **2013**, UniMAP telah diletakkan pada kedudukan **242** berbanding tempat ke **418** pada tahun 2012. **Kenaikan** sebanyak **42.11%** ini amatlah membanggakan warga UniMAP. Namun, apalah ertinya kecemerlangan yang kita peroleh, jika Status Persijilan MS ISO 9001:2008 gagal kita pertahankan.
10. Kejayaan dan kecemerlangan terkini yang bakal diraih ialah The Golden Awards for Quality & Business Prestige di Rome Italy pada 23~24 June 2013.
11. Akhir sekali, saya berharap In Sya Allah dengan penyambungan semula persijilan MS ISO 9001:2008 akan menjadi semangat baru kepada warga UniMAP dalam memberikan perkhidmatan yang lebih professional, cekap dan berkesan kepada pelanggan kita, sesuai dengan dasar kualiti yang telah dipersetujui bersama.
12. Seterusnya, dikesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua jawatankuasa yang terlibat dalam pelaksanaan ISO yang sentiasa memberi komitmen dalam memastikan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti di UniMAP mematuhi Standard ISO 9001:2008.

13. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya berikan kepada para hadirin sekalian atas sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan Audit Persijilan Semula MS ISO 9001:2008 ini.
14. Akhir kalam, semoga kita berjaya mengekalkan **Status Persijilan** ini dan berikanlah sokongan tuan/puan kepada **Pasukan Juruaudit dari SIRIM QAS** dalam proses pengauditan ini. Selamat menghadapi pengauditan!!

Semoga Allah SWT mengampuni kita semua.

Terima Kasih.

Wabillahi taufiq wal hidayah

Wassalamualaikum Warohmatullah Wabarakatuh.